

# Basmi Segera Gejala Sosial


Budaya materialisme yang dianuti dan diimani oleh masyarakat kita menyebabkan agama dan persoalan iman bukan lagi menjadi keutamaan dalam pendidikan anak-anak. Justeru kita bukan sahaja mungkin berjaya melahirkan golongan remaja yang *advanced* pencapaian maklumatnya tetapi *advanced* juga masalah moralnya.

Oleh MUHD RAMADHAN FITRI ELLIAS  
Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM) 2003 / 2004

**H**ASRAT Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kelima untuk memerangi rasuah dan meningkatkan integriti perkhidmatan sektor awam dan swasta adalah tepat pada masanya pada ketika masyarakat mula meragui kewibawaan agensi-agensi kerajaan dan swasta di samping indeks rasuah negara masih tetap tidak berganjak daripada perangkaan yang sebelumnya. Namun, satu lagi agenda yang tidak kurang pentingnya ialah aspek pembangunan sahsiah dan pembanterasan gejala sosial yang berlaku di kalangan generasi muda hari ini. Perlu diingat bahawa generasi ini mewakili 60% daripada jumlah rakyat negara ini dan di atas pundak merekalah tergalasnya harapan dan amanat yang besar untuk terus melestari pembangunan dan kemajuan negara masa depan.

Kes-kes seperti gengsterisme, seks bebas, pemujaan khurafat, sumbang mahram, penyalahgunaan dadah dan jenayah juvana bukanlah baru dalam rekod salah laku remaja di Malaysia sebaliknya permasalahan ini sudah berakar umbi dalam masyarakat. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kes seorang pengganggu berumur 22 tahun melakukan sumbang mahram bersama ibunya sendiri. Selain itu, statistik kes rogol di Malaysia begitu membimbangkan. Pada tahun 2002 sahaja jumlah kes yang diterima ialah kira-kira 1,418 kes rogol berbanding 1,354 kes pada tahun 2001 dan 1,210 kes pada tahun 2000.

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) melaporkan bahawa lebih 60 peratus kes rogol di negara ini melibatkan mangsa berumur bawah 16 tahun dan 84 peratus mengenali perogol. Berita Harian 12 Julai 2001 melaporkan bahawa dalam tempoh sepuluh tahun antara 1989 hingga 1998 kadar jenayah yang melibatkan remaja lelaki dan perempuan meningkat di mana peningkatan 35% dicatatkan bagi remaja lelaki dan 25% bagi remaja perempuan. Begitu juga Kementerian Pendidikan dan pihak polis mendedahkan bahawa pelajar di 456 sekolah menengah di seluruh negara terdedah kepada kegiatan samseng. Mengikut laporan Menteri Pendidikan semasa persidangan di Parlimen, statistik kesalahan membunuh, merompak, merogol dan dadah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh negara mengikut negeri-negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan pertengahan tahun 2001 ialah 12 kes bunuh, 123 kes rogol dan 51 kes samun dan rompakan. Statistik daripada Agensi Dadah Kebangsaan pula mendapati bahawa 20,500 (55%) penagih dadah yang dikenal pasti pada tahun 1998 adalah di kalangan golongan umur di bawah 29 tahun. Perangkaan-perangkaan ini jelas menggerunkan kita dan menunjukkan bahawa tahap gejala sosial di kalangan remaja di negara kita menghampiri garisan bahaya.



KEPEMIMPINAN negara bakal goyah jika generasi baru tidak ditunjuk ajar malah dibiarkan tanpa pedoman. Siapakah yang harus dipersalahkan?

Mahasiswa yang merupakan generasi harapan juga tidak lari daripada terjebak dalam kes kebejatan sosial. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunjukkan bahawa jumlah tangkapan yang melibatkan mahasiswa sekitar negeri tersebut pada tahun 2000 adalah sebanyak 224 kes. Jumlah ini meningkat pada tahun 2001 iaitu sebanyak 407 kes dan sejumlah 378 dicatatkan pada tahun 2002. Walaupun statistik ini tidak menunjukkan peningkatan yang berterusan namun angka-angka yang dicatatkan cukup menjelaskan bahawa golongan terpelajar sendiri tidak ampuh dalam menahan badai yang menggila ini. Jadi tidak hairanlah kegemparan berlaku apabila isu yang dibawa oleh rancangan Edisi Siasat daripada NTV 7 yang telah membongkar kebobrokan nilai dan norma kehidupan pelajar institusi tinggi dan sekiranya tiada langkah pencegahan yang berkesan dan holistik diambil, kita bakal menyaksikan generasi kepemimpinan negara masa hadapan mufliis nilai akhlak dan budi pekerti mulia.

Kerapuhan pengetahuan agama dan penghayatannya dalam diri remaja pada hari ini antara salah satu faktor yang mengundang malapetaka ini.



Dr Muhd Said Ramadhan al Buthi menegaskan inilah faktor terpenting berlakunya kerosakan moral dalam masyarakat generasi muda. Budaya materialisme yang dianuti dan diimani oleh masyarakat kita menyebabkan agama dan persoalan iman bukan lagi menjadi keutamaan dalam pendidikan anak-anak. Justeru kita bukan sahaja mungkin berjaya melahirkan golongan remaja yang *advanced* pencapaian maklumatnya tetapi juga masalah moralnya. Walhal imanlah menjadi neraca dan *inner filter* golongan muda bagi meredakan gejala dalaman dan menangkis anasir salbiyyah dari persekitarannya. Pada satu ketika kita dikejutkan dengan masalah Black Metal dan Pink Metal. Seramai sepuluh orang pelajar sekolah agama di Parit Buntar, Perak mula terbabit dengan kumpulan black metal sejak 1999. Kegiatan mereka cukup mengejutkan ramai pihak kerana melakukan aktiviti-aktiviti berbentuk pemujaan dan penyembahan syaitan. Malah ada yang meminum darah kambing sebagai ikat janji dan taat setia kepada kumpulan mereka. Seheinggakan ada di kalangan mereka bertindak lebih berani dengan mengadakan upacara membakar al-Quran. Apakah kita masih ingin membiarkan perkara ini terus berulang?

#### Peranan Institusi Keluarga

Tidak dapat dinafikan peranan institusi keluarga berperanan besar menstabilkan semula nilai-nilai murni masyarakat terutamanya generasi muda. Golongan muda khususnya remaja mempunyai persepsi dan jangkaan sosial yang objektif, subjektif dan nilai sahsiah yang bersifat dua hala. Ibu bapa harus menjadi tonggak kepercayaan mereka untuk membentuk sahsiah diri yang bertepatan dengan agama dan adat. Ibu bapa sebenarnya menjadi teladan kepada anak-anak. Rasulullah s.a.w bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapanyalah yang menjadikan dia seorang Yahudi, atau Nasrani atau Majusi".

Dalam satu kajian yang dijalankan, sebanyak 42.5% remaja yang menjadikan ibu bapa, ahli keluarga dan saudara mara sebagai role model di dalam kehidupan harian. Seterusnya 17.7% menjadikan pemimpin negara sebagai idola, 8.7% melihat artis sebagai pujaan, 7.9% memilih rakan sebaya dan 4.2% memilih guru sebagai idola. Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Pintas Negara, Dato' Dr Wan Abd Halim Othman berkata dalam menangani gejala black metal, institusi keluarga perlu diperkukuhkan terutama daripada aspek agama dan moral. Dalam hal ini remaja tidak boleh dipersalahkan kerana sejak dahulu lagi terbukti amalan dan kepercayaan itu diwarisi daripada golongan dewasa.



Masyarakat muda pada hari ini kekurangan model dan mithali yang boleh dicontohi. Kita bukan tidak ada tokoh ataupun model tetapi tidak menonjol dan tidak ditonjolkan. Model-model yang dikedepankan pula rata-ratanya dinilai daripada aspek sumbangan yang glamor dan popular namun tidak cukup ampuh mewakili aspirasi agama dan nilai ketimuran. Prof Wan Mohd Nor Wan Daud mengaskan dalam bukunya '*Pembangunan Malaysia Ke Arah Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*' bahawa kebanyakan industri hiburan popular hari ini terang-terangan merupakan peniruan dan pengubahsuaian hasil-hasil terendah (tetapi berjaya dari segi komersial) daripada Amerika Syarikat dan Eropah. Tambah beliau, kegiatan-kegiatan remeh 'bintang-bintang' dalam bidang seni dan sukan telah diberikan liputan yang meluas dan publisiti untuk mendapat laba ekonomi. Sebenarnya kehidupan para sarjana dan pemimpin agama, pendidikan, pentadbiran, pemerintahan dan perniagaanlah yang sebenarnya patut dihebahkan kepada masyarakat untuk dijadikan model dan inspirasi.

#### Peranan Media

Media sepatutnya memainkan peranan yang besar dalam menangani gejala sosial yang semakin menghawar ini. Media adalah agen pengislah (*agent of change*) yang sangat berpengaruh dalam masyarakat. Kita agak sedih pada hari ini apabila media kita gagal memaparkan hakikat sebenar dan budaya asal kita sendiri. Kaca televisyen kita pada hari ini dibanjiri oleh produk-produk import yang jauh menyimpang daripada cita sebenar agama dan budaya kita. Persaingan yang wujud antara rangkaian penyiar televisyen menyebabkan aspek pendidikan masyarakat terabai sebaliknya program-program 'sensasi' menjadi keutamaan. Contohnya program Akademi Fantasia yang ditayangkan melalui Astro. Walaupun tujuan diadakan program ini adalah untuk melahirkan penghibur yang baik, namun janganlah sampai melondehkan adab dan susila. Adegan seperti berpelukan antara lelaki dan perempuan yang berlainan agama adalah bertentangan dengan norma hukum. Justeru pihak media perlu lebih tertib dan turut melaksanakan tanggungjawab sosial mereka bagi melahirkan masyarakat yang punya jati diri.

Sejarah cukup menginsafkan kita bahawa kemajuan dan pembangunan fizikal bukanlah pusaka terbaik untuk diwariskan kepada generasi selanjutnya. Kaum Saba' yang berbangga dengan empangan Maarib akhirnya dihanyutkan oleh bah yang diempang dari Maarib sendiri. Generasi muda Saba' dihanyutkan dalam lena mereka. Mereka hanya terjaga selepas kegemilangan mereka tinggal sejarah. Banyak lagi bangsa-bangsa dan tamadun yang ditimpa nasib yang mereka sendiri tempa. Apakah kita hanya menerima semua ini semata-mata sebagai sunnah alam dan takdir?

Mahasiswa menyambut baik kenyataan Pak Lah selepas Majlis Persidangan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang lepas bahawa pimpinan mahasiswa akan dijemput untuk memberi pandangan dan berperanan dalam menangani gejala sosial di kalangan muda-mudi hari ini. Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) bersedia bila-bila masa menyahut hasrat murni kerajaan demi kelangsungan pembinaan generasi madani dalam abad 21. 